

GARIS PANDUAN SESI PEPERIKSAAN LISAN/VIVA

Berikut adalah Garis Panduan Umum Pengendalian Sesi Viva Ph.D/Masters yang harus dipatuhi oleh seorang Pengerusi Viva:

- 1- Majlis dimulakan dengan bacaan Al Fatihah
 - 2- Pengerusi mengalu-alukan kedatangan/kehadiran dalam Sesi Viva-
 - i- Pemeriksa Luar
 - ii- Pemeriksa Dalam
 - iii- Penyelia / Penyelia Utama / Penyelia Bersama
 - iv- Wakil Pihak Pengurusan Siswazah
 - 3- Pengerusi memberikan penerangan ringkas tentang Latar belakang Sesi Viva dengan menyebut-
 - i- Nama calon dan No. Matrik
 - ii- Tajuk Tesis
 - iii- Penyelia
 - 4- Pengerusi menjemput Penyelia calon untuk memberikan sedikit latar belakang berkaitan calon/tajuk dan skop calon, kekuatan (atau kelemahan calon) secara keseluruhannya mahupun sebarang maklumat lain yang dirasakan perlu.
 5. Pengerusi mempersilakan Pemeriksa Luar untuk memberikan komen umum tentang tesis calon secara ringkas termasuk sebarang isu untuk dibangkitkan secara umum.
 6. Pengerusi mempersilakan Pemeriksa Dalam untuk memberikan komen umum tentang tesis calon secara ringkas termasuk sebarang isu untuk dibangkitkan secara umum.
 7. Pengerusi mendapatkan pandangan/persetujuan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam sama ada calon boleh dipanggil masuk agar Sesi Viva boleh dimulakan.
 8. Setelah calon memasuki Dewan Viva dan mengambil tempatnya, Pengerusi kemudiannya mengalu-alukan kedatangan calon ke Sesi Viva serta mengucapkan tahniah atas kejayaan calon menyempurnakan penyelidikannya.
 9. Pengerusi kemudiannya memperkenalkan barisan ahli Panel Sesi Viva kepada calon bermula dengan Pemeriksa Luar, Pemeriksa Dalam, Penyelia/Penyelia Utama/Penyelia Bersama/Wakil Pengurusan Siswazah Fakulti.
 10. Pengerusi kemudiannya menerangkan kepada calon peraturan Sesi Viva yang perlu dilalui oleh calon-
 - i- Calon diberikan masa 20 minit SAHAJA untuk membuat pembentangan;
 - ii- Calon harus memberikan fokus kepada Objektif, Pernyataan Masalah, Dapatan, serta Cadangan dan Sumbangan serta Keaslian Kajian;
 - iii- Selepas pembentangan calon, sesi soal jawab akan dibuka kepada Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam yang mana
 - a- Para Pemeriksa akan mengemukakan soalan dan komen; dan
 - b- Calon diminta untuk memberikan respon serta mempertahankan idea, hujah dan analisis dalam tesis.
 11. Calon melakukan Pembentangan/Presentation selama 20 minit.
 12. Selepas selesai pembentangan, Pengerusi akan mempersilakan Pemeriksa Luar untuk meneruskan sesi Viva.
 13. Pengerusi akan mempersilakan pula Pemeriksa Dalam untuk meneruskan sesi Viva.
- Nota: Berkaitan Aturan No 13 dan No 13, sesi soal jawab dan komen yang dilaksanakan akan menurut aturan yang dipersetujui oleh Panel Viva keseluruhannya pada masa sesi soal jawab dan komen berlangsung
14. Selepas sesi soal jawab dan komen selesai, Pengerusi mempersilakan calon untuk meninggalkan dewan viva untuk membolehkan Panel Viva membuat keputusan berkaitan Peperiksaan Viva yang baru berakhir.
 15. Calon meninggalkan dewan viva.
 16. Pengerusi memulakan perbincangan dengan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam dalam memutuskan keputusan

Peperiksaan Viva calon.

Nota a: Adalah penting bagi Pengerusi untuk memastikan agar Penyelia TIDAK bersuara di peringkat ini KECUALI diminta oleh ahli panel lain untuk berbuat demikian.

b: Sekiranya terdapat pertentangan idea, pendapat, keputusan antara Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam, Pengerusi harus memainkan peranan untuk melakukan mediasi sehingga suatu persetujuan boleh dicapai antara kedua-dua pemeriksa.

17. Keputusan dicapai-Semua ahli panel Sesi Viva menurunkan tanda tangan tanda persetujuan dengan keputusan Peperiksaan Viva.
18. Pengerusi melalui wakil Pengurusan Siswazah, memanggil semula calon masuk ke dewan viva.
19. Pengerusi memaklumkan kepada calon tentang keputusan penuh Peperiksaan Viva.